

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [ BERA ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 105**

minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah projek mega yang telah dibatalkan setakat ini. Maklumkan secara terperinci mengenai projek tersebut beserta kosnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rolling Plan Ketiga (RP3) 2018, daripada sebanyak 4,609 projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM46 billion. Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa semua projek yang telah ditangguhkan dalam tempoh RP3 diteruskan pelaksanaannya. Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk segera merencanakan semula aktiviti ekonomi negara setelah semakan semula projek-projek yang belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dimuktamadkan.

2. Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan atau menangguhkan sebarang projek pembangunan yang melibatkan kepentingan rakyat. Bagi tempoh Rolling Plan Keempat, 2019 sebanyak 4,820 buah projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM54,700,000,000. Projek-projek ini adalah projek yang meliputi pelbagai sektor dalam bidang pengangkutan dan infrastruktur, bekalan air/elektrik luar bandar, pendidikan, keselamatan, sosial serta penyelidikan dan pembangunan.

3. Kerajaan pada masa kini lebih memberi perhatian kepada pelaksanaan projek-projek yang memberi manfaat terus kepada rakyat dan berimpak tinggi. Ini termasuk projek seperti membina atau menaiktaraf jalan raya, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, keselamatan, kesihatan, sekolah dan rumah ibadat.

Sekian, terima kasih.